

## **KEFUNGSIAN SOSIAL KELUARGA BERPOLIGAMI**

*(Social Functionality of Polygamous Families)*

Muhammad Ajib Abd Razak, Intan Hashimah Mohd Hashim, & Syazwani Drani

### **ABSTRAK**

Amalan poligami memberikan impak yang besar terhadap institusi rumah tangga, terutamanya dari segi kefungsian dan kestabilan ahli keluarga untuk bertahan dalam kehidupan berpoligami. Justeru, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti kefungsian keluarga poligami dari segi penerimaan masyarakat dan hubungan sosial terhadap amalan poligami. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temu bual mendalam. Instrumen kajian seperti panduan soalan temu bual, pita rakaman suara, buku catatan dan penyelidik sebagai instrumen telah digunakan dalam kajian ini. Persampelan bertujuan telah digunakan dan sebanyak enam buah keluarga telah ditemu bual dengan 21 responden yang terdiri daripada enam suami, lima isteri pertama, lima isteri kedua, isteri ketiga dan keempat, serta tiga orang anak. Hasil temu bual telah ditranskrip dan dianalisis menggunakan analisis tematik. Hasil kajian mendapati, terdapat enam bentuk penerimaan masyarakat dan hubungan sosial yang dialami oleh ahli keluarga poligami iaitu, daripada perspektif suami, masyarakat bersikap positif dan negatif, dan mendapat stigma daripada masyarakat, manakala, bagi perspektif para isteri, masyarakat memberikan belas ehsan dan memberi hasutan negatif. Manakala, bagi perspektif anak-anak, stigma rakan sekeliling berbentuk negatif dan positif. Hasil dapatan ini dapat memberikan gambaran realiti sebenar penerimaan masyarakat terhadap kehidupan berpoligami. Pelbagai inisiatif dalam pembangunan sahsiah masyarakat terhadap institusi kekeluargaan poligami perlu dilakukan bagi membantu meningkatkan lagi kesejahteraan kefungsian psikologikal yang positif dalam institusi keluarga poligami.

**Kata kunci:** kefungsian, sosial, poligami, keluarga, masyarakat

### **ABSTRACT**

The practice of polygamy has a major impact on the institution of the household, especially in terms of the functionality and stability of family members to survive a polygamous life. Thus, this study was conducted to identify the functionality of polygamous families in terms of community acceptance and social relations to the practice of polygamy. This study uses a qualitative approach with in-depth interview method. Research instruments such as interview question guides, voice recording tapes, notebooks and researchers as instruments were used in this study. Purposeful sampling was used and a total of six families were interviewed with 21 respondents consisting of six husbands, five first wives, five second wives, third and fourth wives, as well as three children. The results of the interviews were transcribed and analysed using thematic analysis. The study revealed that there are six forms of social acceptance and social relations experienced by members of the polygamous family, namely, from the perspective of the husband, society is positive and negative, and receives stigma from society,

while, for the point of view of wives, society gives compassion and received a lot of negative incitement. Meanwhile, from the point of view of children, the stigmatization of friends around them is negative and positive. These results can give an image of the reality of society's acceptance of polygamous life. Various initiatives need to be undertaken to develop the character of the community towards the institution of the polygamous family in order to further improve the well-being of the positive psychological functioning in the institution of the polygamous family.

**Keywords:** functionality, social, polygamy, family, society

## PENGENALAN

Poligami ditakrifkan sebagai sistem perkahwinan di mana seorang lelaki berkahwin dengan lebih dari seorang wanita sama ada secara serentak atau berturutan (Hamdan, Auerbach & Apter, 2009). Poligami juga boleh difahami sebagai perkahwinan yang melibatkan lebih dari seorang pasangan, namun, bagi lelaki berpoligami yang mempunyai dua orang isteri adalah amalan biasa dalam sesebuah masyarakat (Al-Krenawi & Slonim-Nevo, 2008), berbanding dengan monogami yang hanya melibatkan perkahwinan dengan seorang pasangan sahaja. Sekiranya wanita atau isteri yang mempunyai lebih dari seorang suami dikenali sebagai poliandri iaitu seorang wanita mengahwini lebih dari seorang lelaki, namun amalan tersebut jarang berlaku tetapi ada diamalkan oleh sebilangan kecil dalam sesetengah budaya Himalaya di Asia Selatan (Zeitzen, 2008).

Amalan poligami adalah perkara biasa dalam kebanyakan negara seperti Kuwait, Timur Tengah, Arab Saudi dan Arab Badwi dan Israel (Elbedour et al., 2002). Negara di timur tengah seperti Mesir misalnya, dalam tempoh masa tiga tahun perkahwinan, hampir 25 peratus lelaki akan berkahwin dengan wanita yang kedua, namun, hampir 70 peratus perkahwinan kedua akan berakhir dengan penceraian (Khasawneh, Hijazi & Salman, 2011). Dalam pada itu juga, poligami masih belum diterima sepenuhnya oleh sebahagian masyarakat dan bangsa tertentu walaupun kebanyakan negara sudah mula membenarkan perkahwinan poligami khususnya di negara Asia, Timur Tengah dan Eropah (Nevo-Slonim & Al-Krenawi, 2006). Hal ini kerana, di Amerika Syarikat misalnya, masih terdapat kes-kes penderaan, isu penganiayaan dan ketidakadilan terhadap wanita yang berpoligami dan rata-rata wanita yang pernah ditemu bual pernah mengalami trauma bersama dengan anak-anak akibat didera dan dilayani secara tidak adil oleh suami (Thobejane, 2014). Ekoran itu, amalan poligami pada masa kini juga masih dianggap tidak praktikal, tidak memberi kebaikan, sering menjadi sasaran kritikan, bersifat negatif, menindas, tidak adil dan menjatuhkan maruah dan martabat wanita sebagai seorang isteri (Arif Rohman, 2013).

Daripada tinjauan literatur, struktur keluarga poligami menjejaskan prestasi dan pencapaian akademik anak-anak (Al-Krenawi & Graham, 1997; Elbedour et al., 2002), prestasi dan produktiviti di tempat kerja (Ghubash, Hamdi & Bebbington, 1992; Al-Krenawi, 2012), menjejaskan kesihatan mental wanita dan anak-anak (Al-Krenawi & Graham, 1999; Darmawijaya, 2019; Al-Krenawi & Kanat-Maymon, 2017), masyarakat sekeliling mempunyai stigma dan andaian negatif terhadap pengamal poligami (Pawitasari, 2015; Mukri, 2018; Syahirah et al., 2016). Walau bagaimanapun, konteks kefungsi keluarga adalah berbeza dari segi pengurusan dan gaya hidup setiap keluarga dan ini menjadi tumpuan kajian dalam

memfokuskan kepada penerokaan dari segi hubungan sosial dan penerimaan masyarakat terhadap ahli keluarga poligami secara holistik

## **SOROTAN LITERATUR**

Amalan poligami sememangnya memberikan implikasi yang cukup besar kepada para suami kerana masyarakat sosial kontemporari cenderung melihat perkahwinan poligami sebagai tempat melempiaskan nafsu semata-mata oleh suami dengan memandangkan masyarakat Islam sendiri lebih memilih monogami daripada poligami (Mukri, 2018). Menurut Muhlas (2017), kebanyakan praktis poligami yang berlaku dalam masyarakat hanya bersandarkan kepada doktrin 'fiqh', hukum budaya agama Islam membenarkan lelaki berkahwin daripada satu, tanpa mengambil kira hukum positif yang lain sehingga menimbulkan diskriminasi isteri dan anak. Implikasi poligami terhadap hubungan sosial dan masyarakat adalah bergantung kepada dua kategori individu, iaitu individu yang menyokong dan menolak berdasarkan alasan dan hujah yang tertentu (Faisol, 2020). Suami berpoligami boleh berasa selamat dari segi menerima stigma dan pandangan negatif daripada masyarakat sekiranya bersama-sama dengan individu yang menyokong.

Individu yang menyokong melihat poligami sebagai praktis yang boleh berjaya, positif dan memberi kebaikan kepada ahli keluarga, manakala, individu yang menolak, melihat poligami sebagai praktis yang menindas, negatif, banyak kelemahan, dan sukar menjaga kebajikan keluarga (Faisol, 2020). Poligami juga merupakan fenomena sosial dan kontroversi yang muncul dalam kehidupan bermasyarakat sama ada dari segi hukum undang-undang dan keadilan sosial kerana kebanyakan suami berpoligami sukar untuk menerapkan konsep keadilan dalam rumah tangga terutamanya dari segi keadilan bukan material, seperti cinta dan sayang (Irawan, 2019). Hal ini menyebabkan para wanita tidak mampu untuk berhadapan dengan masyarakat lebih-lebih lagi budaya tempat tersebut yang masih tidak menerima poligami sebagai sebuah kehidupan keluarga yang normal. Kajian oleh Syahirah et al. (2016) telah melaporkan persepsi negatif masyarakat terhadap poligami adalah tinggi iaitu, (44.2%), neutral (27.3%), dan positif (28.5%). Kenyataan lebih negatif ditujukan kepada suami kerana masyarakat beranggapan pelaku poligami menggunakan agama bagi mendapatkan apa yang mereka kehendaki (Syahirah et al., 2016). Ekoran itu, adalah jelas bahawa dalam aspek hubungan sosial para suami menerima stigma dan persepsi negatif daripada masyarakat dengan memberikan interpretasi yang pelbagai kepada pengamalannya. Walau bagaimanapun masih ada sesetengah masyarakat yang masih menyokong poligami sekiranya praktis tersebut dapat memberikan kefungsiannya yang baik kepada keseluruhan ahli keluarga. Sehubungan dengan itu, kajian ini melihat kepada kefungsiannya keluarga poligami daripada perspektif suami terhadap hubungan sosial seperti penerimaan dan persepsi masyarakat atau individu sekeliling terhadap poligami.

Manakala bagi perspektif para isteri dan anak-anak, beberapa kajian telah dijalankan dalam melihat impak poligami terhadap hubungan sosial bagi anggota keluarga yang berpoligami terutamanya dalam kalangan para isteri dan anak-anak. Kajian oleh Al-Krenawi (2001) dan Daoud et al. (2014) mendapati, hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan wanita yang berpoligami didapati tidak berasa gembira, mempunyai rasa imej diri yang rendah, berasa kesunyian, dan mempunyai interaksi kurang memuaskan dengan suami. Hubungan sosial yang kurang memuaskan dalam kalangan wanita poligami disebabkan oleh hubungan yang kurang baik dengan suami selepas dimadukan, maka, isteri pertama merasakan pandangan

masyarakat dan individu sekeliling beranggapan isteri tersebut gagal dalam melaksanakan tanggungjawab dan tidak mampu untuk menjaga suami mereka (Al-Krenawi 2001). Dalam konteks lain, kajian Pawitasari (2015) melaporkan masyarakat memandang poligami sebagai penyiksaan kepada isteri, mempunyai stigma kepada isteri sedia ada sebagai bermasalah dan pelbagai persoalan sosial lain yang melihat isteri sebagai mangsa. Para isteri dalam keluarga poligami mempunyai hubungan sosial yang semakin merosot dengan suami kerana rata-rata mereka pernah mempunyai pengalaman didera secara fizikal, emosi dan seksual, maka implikasi daripada interaksi sosial yang merosot antara suami dengan isteri mempengaruhi hubungan sosial yang akan dibina oleh anak-anak dengan ibu bapa di rumah dan rakan-rakan di sekolah (Hassouneh-Philips, 2001). Kajian Elbedour, Bart, & Hektner (2003) melaporkan sikap dan karakteristik anak-anak akan berubah kepada agresif, pemaarah, dan kasar semasa membina hubungan sosial dengan masyarakat luar sekiranya anak-anak tersebut mempunyai konflik yang kronik dalam keluarga poligami.

Maka, kesimpulannya kajian kefungsiian keluarga poligami dalam konteks hubungan sosial dan persekitaran, terutamanya, dari sudut ekologi seperti implikasi makro dan ekso kepada kefungsiian setiap ahli keluarga poligami adalah perlu bagi mendapatkan gambaran realiti sebenar yang berlaku dalam kehidupan seharian keluarga poligami. Memandangkan, kajian menunjukkan, masyarakat menafikan praktis poligami kerana kurangnya kefahaman tentang undang-undang mendirikan poligami, stigma negatif atas alasan gender dan hak asasi manusia, dan sukar untuk bersedia dari segi mental, hati dan keadilan dalam rumah tangga (Syuib & Afdillah, 2019). Sehubungan dengan itu, penelitian kefungsiian anggota keluarga poligami mengikut perpektif para isteri dan anak-anak dengan masyarakat sekeliling seperti kawan-kawan, saudara mara, dan komuniti dalam konteks masyarakat Melayu telah diterokai secara holistik dalam kajian ini.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian fenomenologi telah digunakan. Reka bentuk kajian fenomenologi bermaksud fenomena realiti yang nampak dan logos, iaitu ilmu (Jasmi, 2012). Justifikasi reka bentuk fenomenologi adalah kerana kajian ini berorientasikan realiti yang memerlukan interpretasi penafsiran yang lebih lanjut. Kajian ini juga menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Menurut Kumar (2005), persampelan bertujuan melibatkan pemilihan informan yang memenuhi kriteria berkaitan kajian yang dijalankan dan informan bersetuju untuk melibatkan diri. Dari segi lokasi, hanya difokuskan dalam sekitar daerah Negeri Selangor sahaja. Justifikasi negeri Selangor dipilih kerana mengambil kira limitasi dari segi kewangan, kos yang lebih besar, dan tempoh masa yang ditetapkan untuk pengumpulan data. Dengan sumber yang terhad adalah penting untuk pengumpulan data lebih berfokus.

Dalam pada itu, terdapat beberapa instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji iaitu panduan soalan menggunakan teknik temu bual separa berstruktur, pita rakaman suara, buku nota dan diri pengkaji sendiri. Kajian ini juga menggunakan metod triangulasi data sebagai strategi triangulasi data sehingga memperoleh maklumat dan menemukan informasi yang lebih banyak dan cakna daripada pengalaman sebenar informan. Proses pengumpulan data berakhir apabila temu bual mencapai tahap tepu dan tiada penambahan data baru yang ditemui. Kajian ini menggunakan temu bual mendalam secara separa-berstruktur bagi memudahkan informan berbincang mengenai topik dalam situasi yang santai, terbuka dan jujur. Informan juga ditemu

bual secara bersemuka dan dijalankan secara individu bagi memastikan pengkaji memfokuskan kepada maklumat informan berbanding secara berkelompok. Setiap sesi temu bual bagi setiap informan adalah sekitar 50 hingga 90 minit, seperti yang dicadangkan oleh Liamputtong dan Ezzy (2005), kebanyakan kajian temu bual mendalam menggunakan temu bual perseorangan adalah sekitar 90 minit setiap sesi. Sesi temu bual juga dijalankan di rumah informan. Sebelum temu bual dijalankan, borang persetujuan termaklum telah disediakan bagi memastikan informan berasa selamat, terjamin dan jelas tentang kepentingan haknya sebagai subjek kajian. Bagi informan yang melibatkan kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas, borang kebenaran ibu bapa telah pun disediakan bagi memastikan anak-anak yang ditemu bual mendapat kebenaran dan persetujuan daripada ibu bapa.

Maklumat daripada data dianalisis melalui beberapa cara pengekodan (*coding*) seperti yang dicadangkan oleh Strauss dan Corbin (1998), iaitu, *open coding*, *axial coding* and *selective coding*. Analisis transkripsi secara manual digunakan bagi menganalisis data untuk mendapatkan tema yang sesuai dengan objektif kajian. Sebarang perisian dalam menganalisis data tidak digunakan kerana pengkaji mahu benar-benar mendalami pengalaman yang dirasakan oleh responden serta boleh mengawal maklumat data yang diperolehi. Manakala, dalam aspek kesahan dan kebolehpercayaan, kajian ini menggunakan triangulasi data, kajian rintis, pengesahan panel pakar jawatankuasa penyelidikan (panduan set soalan) dan pengesahan temu bual daripada informan. Menurut Jasmi (2012), kebolehpercayaan adalah konsep yang merujuk kepada ketekalan dan kestabilan sesuatu ukuran atau alat ukur atau kajian atau soal selidik merentasi masa terhadap sesuatu gagasan. Semasa temu bual, pengkaji telah mencapai kebolehpercayaan apabila informan mengulang beberapa kali maklumat yang sama dan maklumat tersebut telah digunakan semasa proses menganalisis dan pengekodan.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Profil-Sosio Demografi

Seramai 21 orang informan daripada enam buah keluarga telah ditemu bual. Ciri-ciri demografi yang dikenal pasti adalah umur, dan tempoh poligami. Kategori umur informan yang terlibat bagi kategori suami adalah 51 tahun 34 tahun. Kategori isteri pertama adalah 55 tahun sehingga 36 tahun, isteri kedua adalah 22 tahun sehingga 39 tahun, isteri ketiga 42 tahun, keempat 31 tahun. Kategori anak adalah 14 tahun sehingga 26 tahun. Majoriti keluarga yang terlibat mempunyai pengalaman poligami 2 hingga 17 tahun. Jadual 1 adalah ringkasan kepada demografi informan.

Jadual 1: Demografi Informan

Keluarga	Informan	Nama samaran	Umur (tahun)	Tempoh Poligami
(A)	Suami	Zaki	51	10
	Isteri Pertama	Zaiha	51	10
	Isteri Kedua	Zati	36	10
	Anak kepada Isteri pertama	Sofea	26	10
(B)	Suami	Ahmad	37	4
	Isteri Pertama	Rosmah	37	4
	Isteri Kedua	Nurul	36	4
	Isteri Ketiga	Nora	42	4
	Isteri Keempat	Sakinah	31	3

*Special Issue: Vol. 18. No.6 (2021). 85-99. ISSN: 1823-884x*  
*Theme: Psychological Well-being and Social Development of Society*

	Anak kepada Isteri Pertama	Syikin	14	4
(C)	Suami	Megat	52	10
	Isteri Pertama	Salimah	48	10
	Isteri Kedua	Hayati	39	10
	Anak Kepada Isteri Pertama	Zalina	22	10
(D)	Suami	Fairuz	37	2
	Isteri Pertama	Azy	36	2
	Isteri Kedua	Dayang	22	2
(E)	Suami	Amran	50	17
	Isteri Pertama	Mariam	55	17
(F)	Suami	Osman	34	7
	Isteri Kedua	Haliza	34	7

## Perspektif Suami

### a) Masyarakat bersikap positif dan negatif

Tema masyarakat bersikap positif dan negatif bermaksud orang sekeliling masih ada yang memandang pengamal poligami dari sudut yang baik dan kurang baik. Tidak semua individu yang berhampiran dengan informan selain keluarga mempunyai sikap dan baik kepada pengamal poligami. Masyarakat sekeliling seperti rakan sekerja, kawan-kawan (terutamanya wanita) ada kalanya bersikap negatif dan positif terhadap informan yang berpoligami. Aspek negatif, golongan wanita kurang senang apabila suami mereka berkawan dengan suami/lelaki yang berpoligami kerana bimbang suaminya akan turut sama untuk berpoligami. Aspek positif, ada segelintir rakan-rakannya yang teruja untuk mendapatkan ilmu dan info mengenai poligami daripada informan untuk dijadikan rujukan kepada ahli keluarga yang baru mula-mula hidup dalam alam poligami. Ini seperti yang diceritakan oleh Amran (bukan nama sebenar):

*...dari segi negatif tu saya boleh katakan tak adalah, mungkin adalah, mungkin ada beberapa isteri yang kurang senang bila suami dia berkawan dengan saya kalau rapat sangat tapi saya jenis tak ada best friends, tak ada jenis nak yang hari-hari keluar lepak dengan kawan-kawan, tak adalah, kalau saya pergi mesyuarat mana-mana ke yang perlu twin sharing bile kawan tu tahu saya beristeri dua of coz lah diorang interview saya lah sebelum tido tu tnye lah, buat macam mana, bile tahu saya ada dua orang isteri diorang fikir kena belajar ni, itu ayat-ayat biaselah...(Amran)*

Selain itu, bagi orang luar untuk menerima poligami juga memerlukan tempoh sebagaimana fasa-fasa informan dalam berumah tangga poligami. Informan mengakui mendapat pandangan dan tentangan yang berbentuk positif dan negatif, misalnya, mendapat banyak nasihat dan teguran daripada mertua belah isteri pertama dan kedua, kerana, penerimaan untuk anak perempuan untuk dijadikan isteri kedua dan dimadukan adalah sukar dan persepsi tersebut sukar untuk dipecahkan lagi. Masyarakat sekeliling sebenarnya sukar untuk memahami situasi sebenar yang berlaku dalam rumah tangga orang yang berpoligami, ini kerana, orang hanya memahami sudut luaran tetapi tidak secara dalaman. Ini seperti yang dialami oleh Osman (bukan nama sebenar):

*...okay tempoh orang luar nak terima kita pun ada tempoh jugak macam mana ada fasa kita dalam rumah tangga ini fasa 1 dan 2 untuk menerima kita macam tu jugak, jadi saya sendiri tanamkan dengan isteri jugak. Alau kite nak orang faham kita memang tak akan lah, nak sebut pun susah lah kan. Pak mertua ni mana nak terima anak die dimadukan, jadi tak boleh terima, jadi tak maklumkanlah, isteri kedua pun tahulah kan sebab kite dah berkahwin, tapi, nak menerima tu pun susah jugak lah kan nak bawak isteri pertama balik sana pun makan masalah...(Osman)*

Selain itu, ada segelintir masyarakat terutamanya saudara maranya bersangka buruk kepada informan kerana berpoligami. Hal ini kerana, saudara maranya menyangka bahawa informan menzalimi isteri-isterinya sedangkan tiada satu perbuatan pun yang dilakukan oleh informan memudaratkan isteri-isterinya. Ada sesetengah masyarakat yang agak janggal dan tidak melihat poligami dengan mata kepala sendiri bagaimana poligami yang sebenar itu berfungsi. Ini seperti yang dialami oleh Fairuz (bukan nama sebenar):

*...pada mulanya agak tidak sangkalah benda ni akan berlaku dan bersangka-sangka bahawa saya ni menzalimi isteri, padahal tak ada perkara pun yang memudaratkan isteri saya pun, dengan jiran-jiran pun same, bila setelah sekian lama kiteorang berpoligami, baru, mereka boleh terima lah, jadi die melihat mata kepale sendiri baru percayalah adanya poligami lah...(Fairuz)*

Hasil dapatan ini jelas menunjukkan, masyarakat masih memandang negatif dan positif suami berpoligami. Menurut Mukri (2018), masyarakat sosial kontemporari cenderung melihat perkahwinan poligami sebagai tempat melepaskan nafsu semata-mata oleh suami. Hal ini kerana, masyarakat Islam sendiri lebih memilih monogami daripada poligami (Mukri, 2018). Maka, pengkaji melihat, pengamal poligami di Malaysia yang beragama Islam turut terkesan dengan stigma dan persepsi tersebut, walaupun acuan poligami yang dibangunkan sedang menuju ke arah yang lebih baik. Tambahan pula, menurut Muhlas (2017) golongan suami yang berpoligami sarat dengan tanggungjawab, komitmen dan kebolehan dalam membawa poligami tersebut ke arah yang terbaik dalam kaca mata masyarakat.

#### **b) Mendapat stigma daripada masyarakat**

Tema stigma dari masyarakat bermaksud pandangan masyarakat masih melihat poligami adalah perbuatan yang salah dan tidak diterima dalam budaya tempatan. Menurut informan Zaki, Ahmad dan Megat, pada peringkat awal poligami, stigma masyarakat adalah tinggi dan ditambah pula dengan penasihat yang tidak diundang untuk memberikan nasihat dan perancangan kepada isterinya semasa informan berhasrat untuk berpoligami Dalam aspek kejiwaan, rata-rata informan sendiri tidak mendapat penerimaan yang sebaiknya daripada jiran tetangga kerana ada segelintir isteri-isteri yang menghasut sesama sendiri agar tidak berkawan dan menjauhkan diri daripada informan dan isterinya. Ada rakan-rakannya yang menunjukkan rasa suka dan tidak suka, risau dan menunjukkan reaksi yang kurang baik kepada informan. Hal ini kerana, hanya keluarga berpoligami sahaja yang boleh faham sesama sendiri berbanding keluarga monogami yang lain. Ini seperti yang dialami oleh Zaki, Ahmad dan Megat (bukan nama sebenar):

*...Peringkat awal tohmahan tinggi, penasihat yang tak diundang anytime datang, dengan abang, diorang tak berani, tapi, dengan isterilah, macam-macam lah nasihat, macam, 'ko kene ajar abang ko tu macam ni macam ni'', hah macam tulah, macam tak nak bagi tahu isteri jangan berkawan dengan abang ni, nanti benda betul ni jadi tak pasal-pasal aku kene, ade persepsi itu...(Zaki)*

*...sebenarnya kami dibenci, tak disukai, sebab dibimbangi akan mempengaruhi suami masing-masing mengikut rentak kami. So, that's why kami tak suka expose kami berpoligami kepada tuan rumah, memang ada stigma dan tak disukai... (Ahmad)*

*...kawen lagi satu dulu banyaklah serangan kiri kanan, orang cakap macam-macam, lagi-lagi adik beradik belah isteri pertama, jaja cerita macam-macam, sampaikan isteri I saya tu selalu marah-marah. Bile balik dari rumah keluarga die belah sane mesti jadi gaduh. Ini lebih percaya cerite belakang-belakang, tapi kwan-kawan tengok banyak yang fahamlah, tak adalah macam nak memulaukan ke, tak ada...(Megat)*

Melalui perbualan ini jelas menunjukkan, kefungsiian keluarga daripada perspektif hubungan sosial dengan masyarakat sekeliling dari perspektif golongan suami adalah, penerimaan masyarakat masih mempunyai stigma kepada pengamal poligami. Masyarakat memandang serong, malah, ambil langkah berhati-hati untuk berkawan. Hasil dapatan ini mengembangkan lagi dapatan kajian oleh Al-Krenawi (2001) dan Daoud et al. (2014) yang mendapati bahawa hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan keluarga poligami didapati tidak berasa gembira, mempunyai rasa imej diri yang rendah, dan interaksi yang kurang memuaskan dengan masyarakat. Hubungan sosial isteri pertama dengan suami mula terjejas selepas suami berkahwin kali kedua dan isteri pertama merasakan masyarakat dan individu sekeliling beranggapan wanita tersebut gagal dalam melaksanakan tanggungjawab dan tidak mampu menjaga suami mereka (Al-Krenawi 2001). Begitu juga dengan kenyataan kajian Pawitasari (2015), masyarakat memandang poligami sebagai penyiksaan kepada isteri, menimbulkan stigma kepada isteri sedia ada sebagai bermasalah dan pelbagai persoalan sosial lain yang melihat isteri sebagai mangsa.

## **Perspektif Para Isteri**

### **a) Masyarakat memberikan belas ehsan**

Tema mendapat belas ehsan bermaksud informan yang merupakan isteri pertama didapati menerima rasa simpati daripada orang sekeliling kerana berasa kasihan dirinya telah dimadukan oleh suami. Menurut informan Zaiha dan Rosmah, mereka amat rapat dengan jiran-jiran tetangga kerana banyak melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti berpersatuan dan bercampur gaul dengan orang sekeliling. Rata-rata informan juga banyak berkongsi pengalaman berpoligami dengan kenalan rapat dan mendapat respon yang positif dan baik daripada mereka. Hal ini kerana, informan tidak menyembunyikan perkara sebenar dan berkongsi pengalaman poligami dengan telus sekiranya ada sesiapa yang ingin bertanya dan mendapatkan maklumat daripada informan. Manakala menurut Salimah, hubungan informan dengan masyarakat sekeliling adalah baik tetapi dalam kerahsiaan. Hal ini kerana, kedudukan



informan sebagai isteri pertama akan mendapat belas kasihan dan ehsan daripada orang sekeliling, seperti membantu informan dalam keadaan bermasalah dan begitu juga dengan rakan sekerja yang lain. Hal ini dapat dibuktikan melalui pernyataan informan:

*...Alhamdulillah, kat sini kami semua memang rapat sebab kami masuk sama-sama kan akak suke berjiran, cume masa jelah, macam di Keramat dulu, kite masuk dalam taman yang sedia ada tu kan kite kurang dikenali sikitlah, kite lah kene handle sikit macam aktiviti-aktiviti persatuan pe semua tu kan. Pada sini, memang kami rapatlah, sebab sama-sama masuk taman yang baru. Erm, ada jugak asalnya diorang tak suka, tapi kita yang kena buat diorang suka. Kita cerita pada diorang, kite tak sorok...(Zaiha)*

*Awal-awal dulu pun macamtu jugak, ada jugak abang yang sulong tu marah pe semua kan, tapi, lama-lama dia tak ada point untuk nak dia halang kita apa semua, sebab, die tengok tak ada pulak nampak kita ni terabai ke ape kan. Tapi, bila semua keluarga dah okay boleh terime apa semua sekali-sekala. So, tak kan nak berlakon je kan, so camtulah, diorang pun alhamdulillah lah, sebab masa kahwen dulu pun adik beradik bagi hadiah kepada madu. So, maksudnyer diorang leh terimalah benda tu, sebab ada rasa kasihan dalam diri mereka...(Rosmah)*

*...Hubungan semuanya okay tapi dalam kerahsiaan sebenarnya. Sebab, bila dengan isteri pertama diorang akan kesian, kalau diorang tahu lagilah, bagusny kak madu saya, boleh baik dengan madu-madu, dengan orang-orang apa semua, boleh datang sekali dan diorang lebih kasihan. Hah, itu memang nampak, sebab diorang fikirkan kita ni isteri pertama...(Salimah)*

Dapatan kajian ini menunjukkan, penerimaan masyarakat sedikit berbeza dengan isteri pertama, di mana masyarakat memberi belas ehsan kepada isteri pertama berbanding memberikan stigma dan memandang negatif kepada mereka. Dapatan ini boleh dikaitkan dengan kajian oleh Al-Krenawi dan Kanat-Maymon (2017); Ozer, Orhan dan Ekerbicer (2013); Daoud et al. (2014) dan Shepard (2013) yang mendapati, amalan poligami mempunyai hubungan signifikan dengan kemerosotan kesihatan mental anggota keluarga, terutamanya isteri pertama dan kanak-kanak kerana dilihat sebagai ahli keluarga yang menjadi mangsa keadaan dan perlu berkorban untuk hidup bersama dengan kehadiran orang baru. Rata-rata isteri pertama dalam kajian ini mendapat belas ehsan daripada masyarakat kerana mengakui isteri pertama merasai tekanan dan beremosi pada awal perkahwinan dan menjadi perhatian daripada segelintir masyarakat. Situasi ini berbeza dengan para suami, masyarakat juga bersikap negatif dan positif dan membuat tohmahan kepada suami, kerana, terdapat hubungan antara poligami dengan kes penderaan isteri seperti yang dinyatakan dalam kajian (Hassouneh, 2001), iaitu, isteri berpoligami pernah mempunyai pengalaman didera secara fizikal, emosi dan seksual. Implikasinya, interaksi sosial yang merosot antara suami dengan isteri mempengaruhi hubungan sosial yang akan dibina oleh anak-anak dengan ibu bapa di rumah, sekolah, dan orang sekeliling.

#### **b) Masyarakat memberi hasutan negatif**

Tema mendengar banyak hasutan negatif bermaksud informan sering mendapat maklumat, nasihat atau kata-kata yang boleh dikategorikan sebagai menghasut daripada orang sekeliling

untuk memastikan hasrat atau ingin keluar daripada poligami adalah tercapai. Menurut informan yang bernama Salimah, informan banyak menerima cakap-cakap orang yang tidak menyenangkan dan informan mengambil langkah buat tidak tahu dan menghindarkan diri daripada kata-kata orang yang menyakitkan hati. Lanjutan daripada itu, semenjak berpoligami, hal rumah tangganya sering dicampuri oleh orang lain dan menyebabkan informan menjadi bertambah marah dan bergaduh dengan suami kerana ada segelintir maklumat yang diterima tidak menyenangkan hatinya. Berikut adalah pernyataan daripada Salimah:

*...Erm, cakap-cakap orang memang banyak, lagi-lagi saudara mara marah lah, tapi akak ni jenis wat tak tahu jelah, tak nak amek tahu lagsung. Sebab, nanti lagi sakit hati, sebab akak rasa memang biaselah hal rumah tangga orang mesti ada orang nak menyibuk, tak kirelah poligami ke tak...(Salimah)*

Selain itu, menurut informan bernama Zati, masyarakat memandang serong sehingga berhati-hati untuk bergaul bermaksud, informan sering menjadi buah mulut orang sekeliling sehingga diketepikan dari segi bergaul, kerjasama atau melibatkan diri dalam aktiviti tertentu terutamanya dalam kalangan informan isteri kedua. Menurut informan lagi, semasa awal perkahwinan sebagai isteri kedua orang sekeliling mula memandang sinis dan serong dan meremehkan kedudukan informan sebagai isteri kedua dengan menyatakan perkahwinan poligaminya tidak akan bertahan lama. Berikut adalah pernyataan daripada Zati:

*...Pada awalnya dulu diorang macam pandang, camtu lah kan, pandang sinislah, macam cakap, boleh ke bertahan lama kan, hah, sekarang ni, lebih banyak kepada tempat kerja taw, macam hari-hari jumpa nak tahu pasal poligami, so, ada yang pandang serong camtulah, ada yang saya tak cerita pun, tapi ade benda yang saya nak cerita, saya ceritalah...(Zati)*

Dalam pada itu juga, menurut informan bernama Nurul, informan menghadapi masalah dengan jiran tetangga dan mempunyai persepsi buruk kepadanya. Kejiranan tempat tinggal informan seolah-olah menjauhkan diri dan tidak bertegur sapa dengan informan kerana bimbang dikhuatiri kehidupan bermadu informan akan menjangkiti suami-suami di kejirannya. Situasi tersebut juga adalah sama dengan situasi di tempat kerja informan. Berikut adalah pernyataan daripada Nurul:

*...Erm, jiran-jiranlah yang paling akak rasa bermasalah dan ada bad perception pada akak. Akak pun tak tahu lah, sebab, contohnya, akak duduk atas dan rumah bawah tu madu yang ke-4 duduk, jadi kiteorang duduk satu kawasan dan rumah kiteorang ini kan town house, atas bawah, so, ada yang tahu umah ni ada yang tinggal bermadu. So, tak bape nak tegur sangat lah...(Nurul)*

Dapatan dalam kajian ini menunjukkan, rata-rata informan terutamanya isteri pertama dan kedua menyatakan, masyarakat memandang serong dan memberi hasutan negatif terhadap kehidupan poligami mereka. Hal ini disebabkan oleh hubungan sosial yang kurang memuaskan dalam kalangan wanita poligami dengan suami mereka selepas dimadukan, para isteri merasakan pandangan masyarakat dan individu sekeliling adalah negatif seperti isu giliran bermalam, masalah kewangan, perhatian, peruntukan masa dan menguasai hak masing-masing (Al-Krenawi, 2001). Menurut Wahidullah (2020), perkahwinan poligami memberi kesan

kepada ahli keluarga dari sudut psikologi, fizikal, hubungan sosial dan pertenggaran harta pusaka, malah, kebanyakan poligami dipraktiskan oleh kategori keluarga yang berpendapatan rendah dan sederhana, sehingga memerlukan isteri-isteri perlu bekerja sendiri untuk menampung keperluan keluarga. Ekoran itu, kebanyakan isteri bermadu terdedah kepada pergaulan bersama masyarakat melalui aktiviti pekerjaan, kemasyarakatan dan pendidikan. Secara tidak langsung, impak pandangan dan pengaruh masyarakat sangat besar terhadap rutin sosial diri mereka berbanding wanita yang hidup secara monogami.

### **Perspektif Anak-anak**

#### **a) Stigma rakan sekeliling berbentuk negatif dan positif**

Tema stigma rakan sekeliling ada yang negatif dan positif bermaksud informan turut terkesan sebagai seorang anak yang mempunyai latar belakang keluarga poligami menerima pandangan dan kata-kata yang kurang menyenangkan daripada orang sekeliling. Menurut informan bernama Sofea, semenjak memasuki kehidupan keluarga poligami, reaksi dari kawan-kawan sekeliling adalah baik walaupun informan tidak mempunyai kawan-kawan yang ramai sehinggalah memasuki tingkatan empat dan mula berkawan dengan orang lain. Namun, informan tidak masih tidak selesa untuk menceritakan keadaan keluarga kepada sesiapa melainkan kepada kawan rapat. Informan juga menyatakan, dari segi stigma dan pandangan jiran sekeliling informan merasakan adalah baik walaupun jiran-jiran mengetahui ayahnya mempunyai dua orang isteri dan tinggal sebumbung. Dalam pada itu, pandangan saudara mara juga tidak menjadi masalah kerana salasilah keluarga informan juga banyak yang mengamalkan poligami. Kemudian, menurut informan bernama Zalina, informan masih merahsiakan keadaan keluarganya yang sebenar dan tidak menceritakan kepada kawan-kawan bahawa ayahnya mempunyai empat orang isteri melainkan kepada orang yang betul rapat sahaja. Dalam pada itu juga, informan berasa tidak selesa dan kurang menyukai saudara maranya, kerana, banyak bercakap perkara-perkara yang negatif dan memandang serong semenjak ayahnya berpoligami. Berikut adalah pernyataan daripada Sofea dan Zalina:

*...Dulu masa sekolah saya tak ada bnyak kawan sangat, dulu masa sekolah form 1, form 2, form 3, saya ada seorang sahaja kawna baik. Form 4 barulah saya start mula berkawan dengan orang lain kiranya, tapi, kawan baik saya tu setakat ni sorang jelah yang saya selesa untuk cerita semua benda, so, kalau macam banyak-banyak tu tak adalah. Erm, dengan jiran-jiran, eh, haha, jiran sebelah tu pun saya tak kena...(Sofea)*

*...Kawan-kawan semuanya baik dan okay dan lagipun saya rahsiakan daripada kawan-kawan, kawan-kawan tak tahu, saya rahsiakan, cuma cikgu-cikgu je tahu. Sebab, masa dulu ummi mengajar sekolah sini, jadi cikgu ramai tak tahu, cuma, kawan-kawan je tak tahu. Cikgu-cikgu pun puji, walaupun dalam keluarga poligami, tapi prestasi akademik semuanya okay. Erm, saudara mara tu macam tak baik sangatlah, diorang banyak mengatalah dan lebih kepada negatif dan diorang pandang tak elok pada ayah, so, saya dah mula rasa tak selesa dan tak suka...(Zalina)*

Hasil kajian menunjukkan, daripada perspektif anak-anak, mereka mendapat stigma negatif dan positif daripada rakan sekeliling berbanding masyarakat. Menurut Al-Krenawi dan Lightman (2000), pencapaian akademik, keseimbangan sosial dan masalah tingkah laku anak-

anak mempunyai hubungan signifikan dengan kesejahteraan emosi dan kesihatan ibu bapa yang berpoligami. Walaupun setiap keluarga poligami mempunyai isu yang tersendiri, tetapi masih mempunyai kawalan emosi dan pengurusan yang baik sehingga tidak menjejaskan penampilan sosial anak-anak dengan orang lain. Kebanyakan anak-anak mendapat stigma sama ada positif atau negatif disebabkan perbandingan dan pengaruh daripada kefungsi keluarga lain yang bermasalah sehingga memberi kesan psikologikal kepada keluarga poligami yang sedia ada. Sebagaimana yang dinyatakan dalam kajian terdahulu, terdapat perbezaan yang ketara implikasi poligami terhadap prestasi akademik dalam kalangan kanak-kanak dari keluarga poligami dengan monogami, hal ini kerana, kanak-kanak dari keluarga poligami sering berfikiran negatif, mempunyai masalah emosi, tidak selesa dengan persekitaran dan sukar membina hubungan baik dengan rakan-rakan (Al-Krenawi & Slonim-Nevo, 2008; Cherian, 1990). Oleh itu, jelaslah bahawa sekiranya ibu bapa mampu menguruskan kehidupan poligami dengan baik, maka, implikasi poligami terhadap prestasi sosial anak-anak seperti dalam pekerjaan dan akademik tidak dipandang negatif oleh orang lain.

## **KESIMPULAN**

Dapatan kajian mendapati, kefungsi sosial dalam konteks penerimaan masyarakat terhadap keluarga poligami berada pada lima keadaan iaitu, bagi perspektif suami, masyarakat bersikap positif dan negatif, dan mendapat stigma daripada masyarakat, manakala, bagi perspektif para isteri, masyarakat memberikan belas ehsan dan memberi hasutan negatif. Manakala, bagi perspektif anak-anak, stigma rakan sekeliling berbentuk negatif dan positif. Hal ini membuktikan lagi bahawa stigma dan persepsi tersebut boleh menjejaskan ahli keluarga poligami dari segi kesejahteraan psikologi, usaha untuk mengharmonikan keluarga, prestasi di tempat kerja, dan penyelesaian isu keluarga. Penerimaan yang baik, sentiasa memahami dan memberi sokongan sosial berterusan kepada ahli keluarga yang sedang berusaha untuk mengharmonikan kehidupan mereka adalah tindakan komprehensif dalam mengelakkan institusi keluarga berpecah belah sehingga menyumbang kepada statistik penceraihan di Malaysia. Memandangkan struktur keluarga poligami juga merupakan struktur keluarga yang diiktiraf di Malaysia dan mempunyai peranan dan fungsi yang sama dengan struktur keluarga monogami. Bagi mencapai hasrat ini, kerjasama daripada pelbagai pihak sama ada institusi kekeluargaan, kerajaan, NGO dan komuniti amat diperlukan bagi mengiktiraf dan membangunkan institusi keluarga poligami melalui program-program kekeluargaan, aktiviti penyelidikan, membina dasar, polisi atau undang-undang yang lebih mesra kepada pengamal poligami, dan penghayatan terhadap konsep poligami dari aspek agama dan rohani perlu lebih diperluaskan lagi.

## **KELULUSAN ETIKA**

Kelulusan etika diberikan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia, Universiti Sains Malaysia (Rujukan USM / JEPem / 18070324). Peserta bersetuju dengan menggunakan bukan nama sebenar untuk tujuan sebarang penerbitan.

## RUJUKAN

- Arif Rohman. (2013). Women and leadership in Islam: A Case Study in Indonesia. *Int J Soc Sci*, 16(1), 46-51.
- Al-Krenawi, A., & Kanat-Maymon, Y. (2017). Psychological symptomatology, self-esteem, and life satisfactions of women from polygamous and monogamous marriages in Syria. *International Social Work*, 60(1), 196-207.
- Al-Krenawi, A., & Lightman, E. S. (2000). Learning achievement, social adjustment, and family conflict among Bedouin-Arab children from polygamous and monogamous families. *Social Psychology*, 140(3), 345-355.
- Al-Krenawi, A. (2001). Women from polygamous and monogamous marriages in an outpatient psychiatric clinic. *Transcultural psychiatry*, 38(2), 187-199.
- Al-Krenawi, A., & Graham, J. R. (1997). Social work with polygamous families. *Child and Adolescent Social Work Journal*, 14, 445-458.
- Al-Krenawi, A. (2012). A study of psychological symptoms, family function, marital and life satisfactions of polygamous and monogamous women: The Palestinian case. *International Journal of Social Psychiatry*, 58(1), 79-86.
- Al-Krenawi, A. & Graham, J. R. (1999). The story of bedouin-arab women in a polygamous marriage, women's studies. *International Forum*, 22(5), 497-509.
- Al-Krenawi, A., & Slonim-Nevo, V. (2008). Psychosocial and familial functioning of children from polygynous and monogamous families. *The Journal of social psychology*, 148(6), 746-764.
- Cherian, V. I. (1990). Academic achievement of children from monogamous and poly-gynous families. *Journal of Social Psychology*, 130(1), 117-119.
- Daoud, N., Vardi, S. I., Urquia, M. L., & O'Campo, P. (2014). Polygamy and poor mental health among Arab Bedouin women: Do socioeconomic position and social support matter?. *Ethnicity & Health*, 19(4), 385-405.
- Elbedour, S, Bart, M. W., & Hektner, J. (2003). Intelligence and family marital structure: the case of adolescents from monogamous and polygamous families among bedouin Arabs in Israel. *The Journal of Social Psychology*, 143(1), 95-110.
- Elbedour, S., Onwuegbuzie, A. J., Caridine, C., & Abu Saad, H. (2002). The effect of polygamous marital structure on behavioral, emotional, and academic adjustment in children: A comprehensive review of the literature. *Clinical Child and Family Psychology Review*, 5(4), 255-271.
- Faisol, A. (2020). Poligami dalam berbagai perspektif (upaya memahami polarisasi pro-kontra poligami-monogami. *Jurnal Ilmiah Ahwal Syakhshiyah*, 2(1), 20-32.
- Ghubash, R., Hamdi, E., & Bebbington, P. 1992. The Dubai community psychiatric survey, prevalence, and socio-demographic correlates. *Social Psychiatry and Psychiatric Epidemiology*, 27(2), 53-61.
- Hamdan, S., Auerbach, J. & Apter, A. (2009). Polygamy and mental health of adolescents. *European Child & Adolescent Psychiatry*, 18(12), 755-760.
- Hassouneh-Philips. D. (2001). Polygamy and wife abuse: Qualitative. *Health Care for Women International*, 22, 735-748.
- Irawan, A. (2019). Poligami dari perspektif kepastian hukum dan keadilan. *Jurnal Pendidikan IPS*, 9(1), 1-7.

- Jasmi, K. A. (2012). *Kesahan dan kebolehppercayaan dalam kajian kualitatif*. Paper presented at the Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 Puteri Resort Melaka. Retrieved from [https://www.researchgate.net/publication/293097747\\_Kesahan\\_dan\\_Kebolehperaan\\_dalam\\_Kajian\\_Kualitatif](https://www.researchgate.net/publication/293097747_Kesahan_dan_Kebolehperaan_dalam_Kajian_Kualitatif).
- Khasawneh, O. M., Hijazi, A. H. Y., & Salman, N. H. (2011). Polygamy and its impact on the upbringing of children: A Jordanian perspective. *Journal of Comparative Family Studies*, 42(4), 563-578.
- Kumar, R. (2005). *Research methodology: A step by step guide for beginners*. Australia: Pearson Longman Education.
- Liamputtong, P., & Ezzy, D. (2005). *Qualitative research methods*. Melbourne Australia: Oxford University Press.
- Mukri, M. (2017). Poligami: Antara teks dan konteks sosial. *Jurnal Al-Adalah*, 14(1), 201-224.
- Muhlas. (2017). Perlindungan hukum terhadap istri dan anak hasil poligami sirri di Lombok. *Jurnal Pembaharuan Hukum*, 4(1), 111-119.
- Pawitasari, E. (2015). Manfaat pernikahan poligini bagi kaum perempuan. *Al-Tahrir: Jurnal Pemikiran Islam*, 15(20), 451-474.
- Shepard, L. (2013). The impact of polygamy on women's mental health: A systematic review. *Epidemiology and psychiatric sciences*, 22(1), 47-62.
- Strauss, A., & Corbin, J. (1998). *Basics of qualitative research: Techniques and procedures for developing of grounded theory*. California, USA: Sage Publication.
- Slonim-Nevo, V., & Al-Krenawi, A. (2006). Success and failure among polygamous families: The experience of wives, husbands, and children. *Family Process*, 45(3), 311-330.
- Strauss, A., & Corbin, J. (1998). *Basics of qualitative research: Techniques and procedures for developing of grounded theory*. California, USA: Sage Publication.
- Syahirah, S., Shafie, R. S., Faizl, M., & Hussein, N. (2016). *Gender dan islam dalam media sosial Malaysia*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam the 10th Malaysian Studies Conference (MSC10) at: Kota Kinabalu, Sabah. Retrieved from [https://www.researchgate.net/publication/309039397\\_Gender\\_Dan\\_Islam\\_Dalam\\_Media\\_Sosial\\_Malaysia](https://www.researchgate.net/publication/309039397_Gender_Dan_Islam_Dalam_Media_Sosial_Malaysia).
- Syuib, M., & Afdilla, A. (2019). Persepsi masyarakat terhadap izin poligami berdasarkan pasal 3 undang-undang nomor 1 tahun 1974. *Jurnal Hukum Keluarga*, 2(1), 42-59.
- Thobejane, T. D., & Flora, T. (2014). An exploration of polygamous marriages: A worldview. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(27), 1058-1066.
- Wahidullah, Murniati, Eka Farida, Y., & Jumaiyah. (2020). Reformulation of family legal in Indonesia for female masalah. *Asy-Syari'ah*, 22(1), 115-126.
- Zeitzen, M. K. (2008). *Polygamy: A cross-cultural analysis*. New York: Oxford International Publisher.

## MAKLUMAT PENULIS

### MUHAMMAD AJIB ABD RAZAK

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
muhdajib@ukm.edu.my.

**INTAN HASHIMAH MOHD HASHIM**

School of Social Sciences  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang  
hasimah@usm.my

**SYAZWANI DRANI**

School of Social Sciences  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang  
syazwanid@usm.my